



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan - Pengerusi Kraftangan Malaysia - Sensitif Seorang Penulis - Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar - Senario Pilihanraya 1982 - Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan - Dilipat Sebesar Kuku - Senario Alaf Baru	

Asam Garam Perjuangan



"KALAU nak kata saya dah tua minta berundur daripada berpolitik, Samad pun dah tua juga, suruhlah dia undur berpolitik," ujar bekas Menteri Besar, Dato' Mansor Othman apabila ahli-ahli Umno di Kuala Pilah memintanya berundur dari memimpin Umno di bahagian tersebut. Ketika itu Dato' Mansor memegang jawatan Timbalan Speaker Dewan Rakyat apabila bertanding di peringkat Parlimen dalam pilihanraya 1978. Dalam pimpinan peringkat bahagian Dato' Mansor merupakan ketua, sementara Tan Sri A Samad pula ialah timbalan ketua.

Bagi pemilihan peringkat bahagian tahun 1980, ahli-ahli cawangan Umno meminta Dato' Mansor berundur bagi membolehkan bahagian Kuala Pilah dipimpin oleh Tan Sri A Samad dengan Dato' Abdul Kadir Abdullah selaku timbalan ketua dan Dr Nordin Selat untuk jawatan naib ketua. Susunan barisan pimpinan untuk bahagian pada tahun itu dilihat oleh Dato' Mansor sebagai usaha mahu menyingkirkannya yang dirancang Tan Sri A Samad. Sebenarnya Tan Sri A Samad tidak tahu menahu mengenai senarai pucuk pimpinan yang dikemukakan oleh penyokong-penyokongnya.

Disebabkan Dato' Mansor berkeras tidak mahu berundur, senarai barisan kepimpinan bayangan bagi bahagian Kuala Pilah terpaksa diubah. Dato' Abdul Kadir yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan ketika itu menawarkan diri untuk jawatan Ketua Umno bahagian Kuala Pilah menentang Dato' Mansor. Tan Sri A Samad dikekalkan untuk jawatan timbalan ketua, tetapi ditentang oleh ADUN Seri Menanti, Ahmad bin Kassim yang menjadi penyokong Dato' Mansor. Sementara itu Dr Nordin Selat diletakkan bagi jawatan naib ketua, berhadapan dengan Abu Samah Katas, bekas setiausaha politik Dato' Mansor yang tersenarai sebagai penyokongnya.

Kebetulan pula ketika perjumpaan kumpulan Dato' Kadir diadakan di rumah seorang penyokongnya di Senaling, Dr Nordin

(Setiausaha Politik Tan Sri A Samad ketika itu) mengajak penulis ikut sama. Ketika berhenti makan di Seremban, Dr Nordin sengaja buat cerita jenaka apabila memesan *beefstick*. Beliau memberitahu sepanjang kerjaya sebagai setiausaha politik, pernah penyokong-penyokong dari kawasan pilihanraya Tan Sri A Samad (Jelebu) datang ke pejabat menteri, menyebabkan beliau diminta melayani mereka.

Ketika dibawa makan di sebuah restoran di ibu kota menurut Dr Nordin, mereka hanya mengikut sahaja makanan yang dipesan iaitu *beefstick*. Selepas Dr Nordin selesai makan tetamunya (seperti yang beliau beritahu datang dari kampung) masih juga belum menjamah makanan. Sehingga salah seorang daripadanya bertanya kepada Dr Nordin, kenapa memesan lauk sahaja dengan tidak disertakan nasi. Cerita Dr Nordin itu memang agak melucukan, sekali pun beliau tidak bermaksud mahu menghina mereka yang tinggal di kampung.

Penulis mengenali Dr Nordin apabila sering menemui Tan Sri A Samad di kementerian beliau. Memang Dr Nordin suka dengan cerita-cerita lucu, hingga kadangkala setiausaha sulit Tan Sri A Samad, Cik Wan merah padam muka diusiknya. Dalam perjalanan ke Senaling itu, beliau sengaja membawa penulis ikut jalan ke pekan Rembau terus ke Batu sebelum membelok ke kiri menuju ke Inas. Dari situ barulah membelok ke Gunung Pasir terus ke Senaling. Dr Nordin membawa penulis ikut jalan tersebut, disebabkan penulis mengakui belum pernah melalui jalan dari Rembau menuju ke Kuala Pilah.

Kalau bercakap mengenai masalah orang Melayu, Dr Nordin tetap mempertahankan isu yang dibangkitkannya berhubung dengan '*Melayu Original*' dan '*Melayu Tidak Original*'. Malah beliau tidak bersetuju dengan beberapa pepatah petitiyah yang dianggap seolah-olah menampakkan hodohnya bangsa Melayu. Beliau mengambil contoh simpulan bahasa yang popular di kalangan orang Melayu seperti '*telinga kual*', '*mulut tempayan*', '*hati batu*', '*mata petai*', '*kaki bangku*', '*tangan panjang*', '*rambut mayang mengurai*', '*lenggang itik pulang petang*' dan sebagainya yang kelihatan begitu hodoh.

Dalam masa berbual-bual ini secara tidak langsung Dr Nordin mengakui, beliau yang merancang barisan pimpinan bayangan untuk Umno bahagian Kuala Pilah bagi menentang kumpulan Dato' Mansur. Beliau kesal kerana Tan Sri A Samad tidak mahu melawan Dato' Mansor bagi jawatan ketua, sebaliknya bersetuju Dato' Kadir menjadi alternatif. Pengaruh Dato' Kadir dianggap tidak setanding dengan

kekuatan Dato' Mansor kalau dibandingkan dengan Tan Sri A Samad bagi pertandingan tersebut..

Disebabkan Tan Sri A Samad enggan merebut jawatan ketua bahagian, pertandingan diteruskan dengan meletakkan Dato' Abdul Kadir yang juga ADUN Hulu Muar. Ketika berucap dalam majlis perjumpaan di Senaling itu, Dato' Kadir membangkitkan isu yang menyulitkan kedudukan Umno Negeri Sembilan iaitu kegagalan projek Gula Air Hitam, di Bahau yang dirancang oleh Dato' Mansor. Malah ketika Dato' Rais Yatim mengambil alih jawatan Menteri Besar selepas pilihanraya 1978, beliau terpaksa menutup projek tersebut atas kehendak kerajaan Pusat.

Selepas persidangan Pemuda dan Wanita bahagian Kuala Pilah, ternyata Dr Nordin gagal menyaingi pengaruh Dato' Mansor. Barisan pimpinan bayangan yang diatur oleh Dr Nordin tewas kepada kumpulan Dato' Mansor, iaitu memberi gambaran peluang untuk menyingkirkan Dato' Mansor tidak mungkin berhasil. Persidangan perwakilan bahagian seminggu kemudiannya sudah tentu memihak kepada Dato' Mansor berdasarkan keputusan awal persidangan Pemuda dan Wanita yang sudah berlangsung.

Sehari selepas persidangan Pemuda dan Wanita itu, pada petang Isnin Tan Sri A Samad mengajak penulis ke Angkasapuri, disebabkan beliau membuat rakaman temu bual dengan pihak TV. Ketika sampai di lobi Angkasapuri, setiausaha akhbarnya Drs Suleiman sudah menunggu bersama seorang pemimpin Pemuda Umno dari Johol. Pemimpin Pemuda Umno peringkat cawangan itu mahu memberi penjelasan sebab-sebab kekalahan kumpulan mereka kepada Tan Sri A Samad. Pihak Pemuda dikatakan kecewa kerana pertandingan melawan kumpulan Dato' Mansor seolah-olah Tan Sri A Samad *'hanya memberi mereka senapang, dengan tidak dibekalkan peluru'*.

Bagi Tan Sri A Samad beliau tidak percaya dengan 'politik wang', justeru beliau tidak terpengaruh dengan desakan supaya menggunakan segala sumber untuk menyingkirkan Dato' Mansor. Wakil Pemuda dari Johol itu terpaksa meluahkan segala yang terkilang di hatinya kepada Drs Suleiman, apabila Tan Sri A Samad menasihatkan supaya tidak amalkan cara 'politik wang' dalam pertandingan sesama Umno. Menjelang persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Pilah hujung minggunya, penulis mendapat tahu pihak yang terbabit dalam pertandingan itu bersetuju untuk berkompromi.

Mereka berkompromi supaya tidak wujud pertandingan sesama sendiri dalam satu perjumpaan yang diadakan di Port Dickson. Dato' Mansor dikekalkan menjadi ketua, Dato' Kadir diberi laluan untuk jawatan timbalan ketua, sementara itu Tan Sri A Samad pula bersetuju memegang jawatan naib ketua sahaja. Persetujuan yang dicapai itu menjadikan pergolakan di bahagian Kuala Pilah dapat diselesaikan dengan baik. Tidak lama selepas itu penulis dapati Dr Nordin jarang datang ke pejabat, seolah-olah mula merajuk dengan senario politik yang dilaluinya.

Dalam pilihanraya 1982, Tan Sri A Samad cuba menonjolkan Dr Nordin menjadi calon sama ada di kerusi Parlimen mahu pun DUN. Bagaimana pun cadangan Tan Sri A Samad itu tidak diperkenankan oleh pucuk pimpinan Pusat. Malah beliau juga merasa terkilan apabila seorang lagi pembantunya Drs Suleiman tidak dapat menjadi calon dalam pilihanraya 1982 itu, sekali pun sudah diura-ura dihantar ke kawasan Semenyih bagi kerusi DUN di Selangor. Tetapi dalam politik memang tidak dapat memenuhi kemahuan semua pihak apabila kedua-dua pembantunya tidak berjaya dipilih menjadi calon.


Drs Suleiman yang berjaya merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Titiwangsa di Wilayah Persekutuan, bagaimana pun diberi peluang bertanding dalam pilihanraya 1986 bagi kerusi Parlimen Titiwangsa, seterusnya dilantik menjadi timbalan menteri. Sementara itu Dr Nordin pula memegang jawatan eksekutif di salah sebuah bank komersil, di samping pernah dilantik menjadi senator untuk tempoh dua penggal, sekali pun tidak berpeluang bertanding dalam pilihanraya. Bagi Tan Sri A Samad pencapaian bekas pembantunya dalam arena politik merupakan satu kebanggaan kerana 'patah tumbuh hilang berganti, pesaka tinggal kepada yang muda'.

Mencari Ganti Menteri Besar

Ura-ura pucuk pimpinan Pusat mahu menggantikan Dato' Mansor selaku Menteri Besar sudah bermula menjelang pilihanraya 1978. Isu yang menimbulkan masalah kepada pucuk pimpinan Pusat termasuk Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah ialah kerugian projek Gula Air Hitam di Bahau. Dalam perjuangan politik di Kuala Pilah, Tan Sri A Samad tidaklah kenal rapat sangat dengan Dato' Mansor pada peringkat awalnya. Ketika pimpinan Pusat mahu menggantikan Tan Sri Dr Said menjelang pilihanraya 1969, Tan Sri A Samad sudah membayangkan jawatan tersebut adalah miliknya.



*Kumpulan drama Pemuda UMNO Seri Menanti tahun 1947
di bawah pimpinan Tan Sri A. Samad.*



Rakan seperjuangan yang sering diingat setiap kali mendengar lagu "Semalam Di Malaya".



Bersama Dato' Dagang pembesar istana yang menjadi penasihat UMNO Cawangan Seri Menanti.



Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri selepas pilihanraya 1955, kelihatan Mubin Sheppard (kanan).



Ribuan orang ramai menyambut Tunku Abdul Rahman di Padang Kuala Pilah, 1956, Tan Sri A. Samad di sebelahnya.



Ketika menjadi Setiausaha Cawangan UMNO Seri Menanti tahun 1948.

Bagaimanapun nasib tidak menyebelahnya apabila pada saat-saat akhir Tun Razak menawarkan beliau bertanding untuk kerusi Parlimen Kuala Pilah, setelah Tan Sri Bahaman Shamsuddin tidak lagi dicalonkan. Peluang memegang sebarang jawatan sekiranya dipilih menjadi ahli Parlimen adalah sukar, kerana di peringkat Pusat persaingan lebih hebat jika dibandingkan dengan di peringkat negeri. Keputusan Tun Razak membawa beliau ke kerusi Parlimen bagi meredakan pergolakan di Negeri Sembilan selepas Tan Sri Dr Said tidak lagi dipilih menjadi calon.

Tun Razak memberitahu beliau mengenai calon yang bakal dipilih menjadi Menteri Besar memang tidak aktif dalam Umno, tetapi mempunyai kelayakan akademik yang mampu membangunkan Negeri Sembilan. Ketika itulah nama Dato' Mansor mula disebut dengan diberi bertanding di kawasan DUN Pilah. Disebabkan Tan Sri A Samad bimbang bakal Menteri Besar itu kalah memandangkan latar belakangnya tidak aktif dalam Umno, beliau memujuk Tun Razak supaya Dato' Mansor dihantar ke Seri Menanti, sementara calon di Seri Menanti Dato' Idris Matsil diletakkan di DUN Pilah.

Dalam perkiraan Tan Sri A Samad peluang Dato' Mansor menang di DUN Pilah amat tipis, disebabkan pengundi bukan Melayu hampir sama banyak peratusannya dengan pengundi Melayu. Ditambah lagi dengan kedudukan Dato' Mansor masih belum mempunyai sebarang pengalaman menghadapi pilihanraya, sudah tentu tidak memberi jaminan kepada beliau menang di situ. Sementara itu Dato' Idris Matsil pernah mewakili DUN Pilah dalam pilihanraya 1959, sebelum dipindahkan ke Parlimen Jelebu-Jempol dalam tahun 1964.

Membawa Dato' Mansor bertanding di Seri Menanti juga memudahkan Tan Sri A Samad membantunya, kerana beliau sudah mewakili kawasan tersebut sejak pilihanraya 1959. Syor Tan Sri A Samad ini diterima oleh Tun Razak dengan meletakkan Dato' Mansor di Seri Menanti, Dato' Idris Matsil di Pilah, Dato' Kadir Abdullah di Hulu Muar dan Safiah Talib kekal di Johol. Tan Sri A Samad sendiri bertanding bagi kerusi Parlimen Kuala Pilah sebagai percubaan pertama kali beliau menjadi ahli Parlimen.

Perkiraan Tan Sri A Samad menjadi kenyataan apabila calon Umno/Perikatan di DUN Pilah, Dato' Idris Matsil menang tipis di situ. Dato' Idris hanya menang dengan majoriti 6 undi sahaja apabila mendapat 1,912, manakala calon DAP Chai Tak Han (1,906), calon

Bebas, Md Zainol Yatim (818) dan calon Pas, Mustapha Mohamad (460). Dato' Mansor pula menang selesa di Seri Menanti apabila mendapat 3,450 mengalahkan calon Pas, Tunku Abdul Rahim Tunku Muda Chik (1,664). Penyokong-penyokong Umno juga percaya kalau Dato' Mansor dipilih bertanding di DUN Pilah, nescaya beliau ditewaskan oleh calon pembangkang ketika itu.

Pilihanraya 1969 memang Parti Perikatan di Negeri Sembilan menerima tamparan hebat, apabila menang 16 kerusi sahaja daripada jumlah ke semua 24 kerusi di Dewan Undangan. Malah Port Dickson jatuh ke tangan pembangkang sama ada kerusi Parlimen mahu pun ke semua kerusi DUNnya. Kawasan DUN Jimah, Lukut, Si Rusa, Pasir Panjang dan Linggi di dalam kawasan Parlimen Port Dickson (Teluk Kemang) jatuh ke tangan DAP, malah tiga calon Umno turut tumpas dalam kawasan majoriti pengundinya Melayu. Kekalahan tersebut bukan berpunca daripada kekuatan parti lawan, tetapi protes ahli-ahli Umno sendiri yang kecewa selepas Tan Sri Dr Said tidak dicalonkan semula.

Selepas dipilih menjadi Menteri Besar, Dato' Mansor dilantik juga menjadi Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan. Kepimpinannya dalam kerajaan negeri mula menjadi masalah kepada ahli-ahli Umno sendiri, tetapi Tan Sri A Samad terpaksa menyembunyikan segala masalah tersebut atas kedudukannya selaku timbalan ketua. Isu projek Gula Air Hitam menimbulkan banyak rungutan kepada ahli-ahli Umno, disebabkan kerugian yang dialami menjadi beban kepada Umno Negeri Sembilan sendiri.

Hinggalah menjelang pilihanraya 1978, pucuk pimpinan Pusat mendapati Dato' Mansor perlu diganti dengan tokoh lain. Ketika itu dalam barisan pimpinan Umno Negeri Sembilan potensi untuk meneruskan kesinambungan politik Melayu hanya pada Dato' Seri Rais Yatim dan Dato' Mokhtar Hashim. Sayangnya kedua-dua tokoh berkenaan merupakan pemimpin di peringkat Pusat yang memegang jawatan timbalan menteri. Dato' Rais ahli Parlimen Jelebu adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri, sementara Dato' Mokhtar pula ahli Parlimen Tampin memegang jawatan Timbalan Menteri Pertanian.

Dalam perjumpaan yang diadakan di rumah Tan Sri A Samad di Lorong Gurney, tidak siapa pun sanggup balik ke Negeri Sembilan untuk menjadi Menteri Besar. Dato' Mokhtar yang mula-mula dicadangkan mempunyai alasan sendiri tidak mahu menjadi Menteri

Besar, sementara itu Dato' Rais juga tidak berminat untuk memimpin kerajaan negeri. Kerumitan mula menampakkan kesan negatif bagi memulihkan imej kerajaan negeri berikutan kerugian yang dialami oleh projek Gula Air Hitam itu. Sekiranya mereka berdua terus menolak, pihak Pusat terpaksa memilih calon alternatif lain bagi mengisi kekosongan Menteri Besar.

Bagi mengelakkan '*pisang berbuah dua kali*' supaya pimpinan Pusat tidak meletakkan calon yang tidak aktif dalam Umno menjadi Menteri Besar, Dato' Rais bersetuju menerima saranan Pusat untuk balik ke Negeri Sembilan menjadi Menteri Besar. Persetujuan yang diberikan oleh Dato' Rais ini melegakan Tan Sri A Samad, kerana tugas yang dibebankan ke bahunya dapat diselesaikan. Pilihanraya 1978 itu Dato' Rais dihantar bertanding untuk DUN kawasan Pertang, manakala Tan Sri A Samad pula dipindahkan ke Parlimen Jelevu apabila Dato' Mansor diberikan kawasan Parlimen Kuala Pilah.

Tengku Razaleigh Hamzah yang dilantik pimpinan Umno Pusat bagi mengenal pasti calon-calon di Negeri Sembilan dalam pilihanraya 1978 itu sekali lagi menghadapi jalan buntu. Kalau sebelumnya mereka menghadapi masalah dalam menentukan jawatan Menteri Besar, tetapi dapat diselesaikan setelah Dato' Rais memberikan persetujuan, selepas itu Umno agak panik apabila calon bagi DUN Linggi Dato' Abdul Samad Said terlantar sakit di hospital, dua hari sebelum penamaan calon.

Selepas menziarahi Dato' Samad di Hospital Besar Seremban, Tengku Razaleigh meminta Tan Sri A Samad mendapatkan calon lain, kerana tidak mungkin Dato' Samad Said boleh sembuh dalam tempoh dua hari. Tan Sri A Samad terpaksa menghubungi Umno Port Dickson mengenai calon-calon yang berpotensi untuk dihantar kepada Tengku Razaleigh yang menunggu pada malam berkenaan di *Rest House* Seremban. Dalam keadaan terlalu suntuk, Umno bahagian Port Dickson juga panik bagi mencari calon alternatif. Kalau ada pun yang berkelayakan mereka tidak mempunyai persediaan, terutama yang masih terikat sebagai pegawai kerajaan.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad diberitahu mengenai Ketua Pemuda Bahagian Port Dickson yang boleh didpujuk meletakkan jawatan dalam tempoh 24 jam sekiranya keadaan terdesak. Beliau ialah Cikgu Muhd Isa, iaitu anak kepada Dato' Samad sendiri yang masih memegang jawatan kerajaan sebagai guru, mengajar di Sekolah

Dato' Razak di Seremban. Sekiranya Cikgu Muhd Isa menolak disebabkan sukar bagi seseorang meletakkan jawatan dalam tempoh 24 jam, Umno bahagian Port Dickson sudah tidak mempunyai pilihan lain lagi, kecuali meletakkan calon '*tangkap muat*' sahaja.

Disebabkan masa semakin suntuk, Tan Sri A Samad menyuruh wakil Umno Port Dickson itu dikenali Encik Mustapha membawa Cikgu Muhd Isa menemuinya di Rest House Seremban secara '*tak boleh tidak*'. Ketika itu Cikgu Muhd Isa yang berusia lebih kurang 26 tahun sahaja dibawa menemui Tan Sri A Samad pada malam berkenaan, beliau sendiri terpinga-pinga kerana tidak mengetahui tujuannya. "Cikgu naik ke atas, apa sahaja yang Tengku Razaleigh cakap, cikgu bersetuju sahaja, ikut sahaja apa katanya," pesan Tan Sri A Samad menyuruh Cikgu Muhd Isa naik ke tingkat atas bangunan *Rest House* itu.

Tidak sampai setengah jam Cikgu Muhd Isa di tingkat atas, beliau turun menemui Tan Sri A Samad tetapi masih dalam keadaan gelisah. "Macam mana ni Dato', saya tak diberi peluang langsung buat persediaan, sekurang-kurangnya untuk meletakkan jawatan," beritahu Cikgu Muhd Isa mengenai tawaran Tengku Razaleigh supaya menjadi calon Umno di DUN Linggi pada pilihanraya 1978 itu. "Tak apa, cikgu letak jawatan 24 jam, kita tahulah macam mana nak buat," ujar Tan Sri A Samad. Malam itu juga Cikgu Muhd Isa diminta menurunkan tandatangan surat perletakan jawatan dalam tempoh 24 jam yang sudah siap sedia ditaip bagi menjadi calon Umno; Cikgu Muhd Isa selepas itu dilantik menjadi Menteri Besar pada pilihanraya 1982.

Senario Pilihanraya 1982

Semasa hari penamaan calon pilihanraya 1978, Tan Sri A Samad terus membuat satu pengumuman pada pilihanraya tersebut adalah kali terakhir beliau bertanding. Sekali pun pada tahun tersebut umur beliau 55 tahun, iaitu sesuai bagi seseorang pekerja bersara dalam perkhidmatan, tetapi dalam politik tenaganya masih boleh berkhidmat. Beliau yang dicalonkan bertanding untuk kerusi Parlimen Jelebu membuat pengumuman tidak akan menyertai pilihanraya selepas itu, sebenarnya menang tidak bertanding apabila calon Pas tiba-tiba sahaja menarik diri.

"Kalau Dato' jadi calon, saya tak mahu lawan," beritahu calon Pas itu mengucapkan tahniah sebaik sahaja menarik balik kertas pencalonan sebelum habis tempoh bantahan mengikut prosedur

pilihanraya. Dato' Rais yang bertanding untuk kerusi DUN Pertang juga menang tidak bertanding, setelah tidak ada calon yang menyerahkan kertas pencalonan. Kemenangan bergaya Tan Sri A Samad dan Dato' Rais ini sekali gus memberi sokongan moral kepada rakan-rakan lain yang bertanding dalam pilihanraya tersebut.

Menjelang pilihanraya 1982, Tan Sri A Samad mengotakan janjinya tidak bertanding sekali pun Dato' Rais yang menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan sedia membuat tawaran kepadanya. Dato' Mansor juga digugurkan dalam pilihanraya 1982 bagi kawasan Parlimen Kuala Pilah. Sebelum itu terdapat ura-ura mencalonkan seorang tokoh muda Dr Ramli Ujang bagi kerusi Parlimen, tetapi pihak pimpinan Pusat memerlukan beliau bertanding di peringkat negeri. Ketika itu Dato' Rais pula kembali bertanding di kerusi Parlimen dengan mengosongkan jawatan Menteri Besar.

Apabila diminta pandangannya mengenai calon Parlimen di Kuala Pilah, memang Tan Sri A Samad bersetuju dengan Dr Ramli. Bukan sahaja potensi Dr Ramli sebagai tokoh muda, malah beliau seorang doktor perubatan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat di Kuala Pilah. Bagaimana pun pihak pimpinan Pusat mempunyai pandangan yang lain dengan kemunculan Dr Ramli, setidak-tidaknya menjadi pemimpin pelapis di peringkat negeri selepas Dato' Rais kembali ke Pusat.

Masalah calon di Parlimen Kuala Pilah bagi pilihanraya 1982 itu dirujuk kepada Tan Sri A Samad selaku Timbalan Pengerusi Perhubungan yang memang memahami senario politik di Kuala Pilah. Disebabkan pimpinan Pusat mahukan Dr Ramli bertanding di peringkat negeri, pihak bahagian sudah menyediakan nama beberapa calon yang sesuai untuk bertanding di peringkat Parlimen. Tan Sri A Samad yang mendapat mandat daripada pimpinan Pusat bagi mengenal pasti calon kerusi Parlimen, mula memikirkan anak-anak Kuala Pilah yang berkhidmat di Kuala Lumpur.

"Sekiranya calon itu tidak aktif dalam Umno bahagian pun tak apa, asal sahaja saya mengenali ibu bapanya atau kaum kerabatnya. Dia boleh dicadangkan menjadi calon kalau ibu bapa atau kaum kerabatnya aktif dalam Umno," menurut Tan Sri A Samad. Beliau menyedari majoriti penduduk Kuala Pilah memang terbabit dalam perjuangan Umno sejak awal lagi, justeru Tan Sri A Samad boleh cam setiap ahli Umno yang aktif di kawasan Kuala Pilah. Dalam masa

tercari-cari nama calon yang sesuai untuk dicadangkan kepada pimpinan Pusat, anaknya Prof Dr Nuraini menyebut nama seorang rakannya yang sama mengajar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Apa salahnya calonkan wanita pula di Parlimen Kuala Pilah, kawan saya tu memang anak tempatan, malah ibu bapanya aktif dalam Umno sama dengan ayah,” beritahu anaknya Ani. Tan Sri A Samad tertarik hati dengan pandangan anaknya, lantas meminta Ani hubungi kawannya itu. Selepas mengenali kawan anaknya itu seorang pensyarah di UPM yang berstatus Prof Madya, Tan Sri A Samad berpuas hati kerana keluarganya merupakan ahli Umno paling aktif sebelumnya. Beliau terus bertanya kepada kawan anaknya itu sama ada berminat atau tidak menjadi calon dalam pilihanraya.

“Susah nak buat keputusan Pak Lang, kerana saya tak ada pengalaman dalam politik, lagi pun potensi saya lebih baik di UPM,” beritahu kawan anaknya itu mengakui terlalu berat untuk membuat keputusan. “Tak apalah kalau dah menang nanti bolehlah jolok-jolok sikit, dapat jadi setiausaha parlimen pun cukuplah,” Tan Sri A Samad memujuk sekali pun belum pernah bersua muka dengan kawan anaknya itu. Beliau hanya bergantung kepada penjelasan Ani sahaja mengenai latar belakang kawannya yang sama menjadi pensyarah di UPM itu.

Bagaimanapun kawan anaknya Ani keberatan mahu melepaskan jawatannya di UPM, justeru meminta tangguh untuk membuat keputusan. Tetapi Tan Sri A Samad mendesak supaya segera membuat keputusan bagi memudahkan pihak pimpinan Pusat mengenal pasti calon sesuai bagi kerusi Parlimen di Kuala Pilah. Dalam kesuntukan masa menjelang pilihanraya 1982 itu, segalanya boleh berubah dalam sekelip mata mengikut senario politik semasa. Tidak sampai seminggu selepas itu kawan Ani menelefon Tan Sri A Samad dengan membuat keputusan positif bersedia untuk melepaskan jawatannya di UPM.

Setelah keputusan kawan Ani disampaikan kepada pimpinan Pusat, Tan Sri A Samad mendapati Dato’ Seri Dr Mahathir juga berpuas hati dengan latar belakang calon yang dicadangkan untuk kerusi Parlimen Kuala Pilah. Proses pemilihan calon untuk bertanding di kerusi Parlimen Kuala Pilah inilah memunculkan nama baru yang tidak dikenali dalam arena politik, tetapi mempunyai latar belakang keluarga yang kuat menyokong perjuangan Umno menuntut kemerdekaan. Ketika hari penamaan calon banyak pihak terkejut dengan kemunculan Prof Madya Napsiah Omar bertanding bagi kerusi

Parlimen Kuala Pilah yang dianggap membahang ketika itu, sementara Dr Ramli Ujang bertanding bagi DUN Pilah.

Dalam pilihanraya 1982 itu, Napsiah Omar mencapai kemenangan mudah dengan mendapat 19,206 undi mengalahkan calon Pas, Othman Hamzah hanya memperolehi 4,011 undi sahaja. Di kerusi DUN Pilah pula Dr Ramli menang dengan undi 5,860 mengalahkan calon DAP, Razak Gilong (2,014) dan calon Pas, Mohd Noor Muharam (590). Selepas mencapai kemenangan dalam pilihanraya, pihak Umno Perhubungan Negeri Sembilan mencadangkan nama Napsiah bagi dilantik menjadi setiausaha parlimen kepada pucuk pimpinan Pusat.

Apabila Dato' Seri Dr Mahathir mengumumkan barisan kabinetnya selepas pilihanraya 1982 itu, sekali lagi Napsiah menerima kejutan. Beliau tidak dilantik menjadi setiausaha parlimen oleh Dato' Seri Dr Mahathir, sebaliknya memegang jawatan timbalan menteri. Napsiah terus menelefon Tan Sri A Samad memberitahu mengenai lantikan yang diterima lebih daripada yang dijangkakan. Kemudiannya Tan Sri A Samad menjelaskan kepada Napsiah, "*Begitulah pertuturan orang tua-tua dahulu; *tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tak siapa pun yang tahu!**"

Titah Ucapan Tuanku

Setelah melepaskan jawatan menteri kabinet tahun 1980, muktamar bagi Nasrul Haq dirangka diadakan pada tahun 1981. Tan Sri A Samad bercadang membawa muktamar itu ke Seremban, memandangkan banyak kemudahan boleh diperolehi. Bukan sahaja Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika itu Dato' Mokhtar Hashim orang Negeri Sembilan, malah Menteri Besar Dato' Rais Yatim juga berminat dengan aktiviti Nasrul Haq. Dato' Rais sendiri memberi galakan supaya muktamar Nasrul Haq diadakan di Seremban.

Ketika itu Setiausaha Agung Nasrul Haq, Hashim Pendek (Allahyarham) mendapat tawaran berkhidmat dengan kerajaan Brunei di kementerian kebudayaan, belia dan sukan di negara berkenaan. Penulis diminta menjadi Pemangku Setiausaha Agung bagi menjalankan tugas-tugas mengadakan muktamar di Seremban dengan dibantu sepenuhnya oleh Kapten Manaf. Sebelum muktamar berlangsung, Tan Sri A Samad mengajak penulis ikut sama turun ke Seremban dengan tidak memberitahu tujuannya.

Menjadi kebiasaan pula kepada Tan Sri A Samad, beliau tidak akan memberitahu apa-apa sebelum bertemu, kecuali menyatakan

mahu ke Seremban sahaja. Semasa di dalam kereta barulah beliau menyatakan tujuan untuk ke Istana Hinggap menghadap ke bawah duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang diPertuan Besar. Rupa-rupanya Tan Sri A Samad sudah membuat temu janji dengan Tuanku bagi menyembahkan hasrat Nasrul Haq meminta Tuanku merasmikan muktamar Nasrul Haq. Ketika itu beliau juga baru sahaja dianugerahkan pingat kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri.

“Macam mana ni, saya tak bawa songkok, Dato’,” beritahu penulis serba salah apabila diberitahu mahu menghadap ke istana. “Tak apalah, Tuanku bukan kisah sangat, kita sama kita aje,” sahut Tan Sri A Samad. Sekali pun beliau sekadar memakai baju batik sahaja, tetapi membawa songkok bersamanya di dalam kereta. Pada awalnya memang penulis enggan untuk masuk menghadap, tetapi beliau mengingatkan supaya tidak bersikap *low profile* atau merendah diri sangat. Malah beliau mengakui Tuanku mempunyai sikap berjiwa rakyat, di samping tidak menunjuk-nunjuk sebagai seorang raja yang memerintah.

Ketika masuk menghadap ke istana, Tan Sri A Samad bersama penulis disertai oleh beberapa pegawai tinggi kerajaan termasuk Setiausaha Kerajaan. “Siapa ni, Tan Sri?” tanya Tuanku semasa baginda berjabat salam dengan penulis. “Orang kita juga ni, Tuanku, orang Jelebu,” sahut Tan Sri A Samad spontan. Selepas berkenalan dengan semua yang hadir, lantas sahaja Tuanku bertanyakan mengenai Nasrul Haq. Pertemuan singkat kira-kira 45 minit itu, Tuanku bersetuju mencemar duli untuk hadir merasmikan muktamar Nasrul Haq yang ditetapkan berlangsung di Tapisan Gelanggang, Paroi.

“Tan Sri kena buat ucapan saya tu nanti,” titah baginda semacam bergurau, tetapi memang mahukan Nasrul Haq sendiri menyediakan deraf titah ucapan tersebut. “Tak apa Tuanku, ramai orang kita yang akan membantu, ini pun orang kita juga, dia boleh buat,” ujar Tan Sri A Samad berpaling memandang ke arah penulis. Memang titah ucapan baginda diserahkan kepada penulis untuk membuat deraf; selepas itu Tan Sri A Samad memberikan kepada pihak istana untuk pengesahan Tuanku.

Semasa hari perasmian, Tuanku Ampuan yang duduk bersebelahan dengan Mak Lang (Puan Sri Asiah, isteri Tan Sri A Samad) berbisik-bisik mengenai pepatah petiti yang terkandung dalam titah ucapan tersebut. Beberapa kali Tuanku Ampuan mengulangi

ungkapan yang dititahkan Tuanku mengenai peranan setiap rakyat dalam fungsi kenegaraan seperti perbilangan orang tua-tua:

*Kok buta penghembus lesung
Kok pekak pembakar bedil
Kok lumpuh penghalau ayam
Kok kurap pemikul buluh
Kok capek datang bertongkat
Kok pendek datang berjengket
Kok tinggi datang tinjau meninjau
Kok kecil bernama, kok besar bergelar!*

Sebelum upacara perasmian muktamar berlangsung, satu demonstrasi jurus diadakan oleh pewaris-pewaris yang tamat latihan. Beberapa orang tetamu jemputan juga diuji melalui serangan pewaris-pewaris semasa demonstrasi diadakan termasuk Dato' Rais, Dato' Mokhtar dan pegawai-pegawai kerajaan. Ketika berjalan dari padang menuju ke dewan untuk mengadakan muktamar, Haji Johannes (Allahyarham, Timbalan Presiden Nasrul Haq) berbisik kepada penulis supaya tidak jauhkan diri daripadanya.

Disebabkan penulis berjalan jauh di belakang tetamu-tetamu yang diundang khas, Haji Johannes segera melambai supaya mendekatinya. Ketika itulah salah seorang pewaris yang tamat latihan tiba-tiba tertiarap di jalan berminyak tar menyebabkan lutut dan sikunya luka akibat gagal mengawal badannya. Rupa-rupanya Haji Johannes menyedari terdapat antara pewaris-pewaris terbabit mahu menguji setiap pemimpin Nasrul Haq dengan membuat serangan secara 'pukul curi'. Memang Haji Johannes juga tahu penulis tidak pernah belajar latihan 'jurus', sebab itulah beliau mengingatkan supaya tidak jauhkan diri daripadanya.

Sebaliknya Tan Sri A Samad pula memang mengetahui amalan 'jurus' iaitu satu gerak hati yang tidak memerlukan tenaga fizikal. Bagaimana pun penulis tidak tahu sama ada Tan Sri A Samad boleh atau tidak melakukan 'jurus'. Tetapi semasa seorang pewaris dari Jelevu mengalami masalah tekanan jiwa, penulis pernah membawanya menemui Tan Sri A Samad di rumah beliau. Tan Sri A Samad mendoakan pada segelas air dengan membaca 41 kali al-Fatihah, kemudian menyuruh pewaris itu meneguknya.

Seminggu selepas itu pewaris terbabit menghubungi penulis memberitahu masalah tekanan jiwa yang dihadapinya sudah dapat diatasi. Apabila ditanya kepada Tan Sri A Samad mengenai rawatan tradisional, memang beliau kurang yakin keampuhannya. Tetapi semasa Nasrul Haq menjalankan klinik rawatan Islam sekitar tahun 1981 itu, beliau sendiri menggalakkan rawatan tersebut diteruskan. Klinik rawatan berkenaan dikendalikan oleh Sheikh Khalid dengan diketuai oleh Bapak Muchtar Lintang sebagai tempat merujuk.

Apabila penulis mendesak beliau memberitahu mengenai rahsia amalan orang tua-tua dulu dalam rawatan perubatan tradisional, Tan Sri A Samad mengakui seorang wanita tua di kampungnya pernah mengubati penyakit ketumbuhan dalam mata dengan mengerat beras di atas cupak. Selepas beras tersebut dikerat, penyakit ketumbuhan dalam mata itu sembuh dengan tidak perlu pembedahan di hospital. Katanya, cara rawatan yang dibuat ialah menyuruh pesakit duduk pada anak tangga rumah, sementara cupak berkenaan diletakkan di atas kepala pesakit tersebut.

Di samping itu Tan Sri A Samad juga memberi petua kepada penulis, sebelum melangkah keluar dari rumah bayangkan diri sedang berhadapan dengan cermin. Cuba lihat di hadapan sehingga nampak bayang sendiri di dalam cermin berkenaan, barulah melangkah keluar. Bagaimana pun penulis tidak memahami apakah kegunaan petua tersebut, tetapi menurut Tan Sri A Samad ianya boleh dijadikan amalan setiap kali mahu melangkah keluar dari rumah. Maknanya, beliau tidak menafikan memang terdapat petua yang digunakan oleh orang tua-tua dulu sesuai diamalkan.

Sebaliknya ada waktunya Tan Sri A Samad juga mengingatkan: *Amalan yang patut diamalkan ialah yang berguna untuk dunia dan akhirat*. Nasrul Haq bukanlah amalan kebatinan yang berkaitan dengan 'jurus'; bukan juga satu ajaran hingga boleh memesongkan aqidah seseorang. Ketika diasaskan oleh Tan Sri A Samad, Nasrul Haq hanya sebuah persatuan yang berdaftar sama seperti persatuan-persatuan lain yang menjalankan aktiviti selaras dengan perlembagaan negara.

Justeru kehadiran baginda Tuanku Yang diPertuan Besar mencemar duli merasmikan muktamar Nasrul Haq dalam tahun 1981 itu, menunjukkan baginda menyedari tidak wujud unsur-unsur penyelewengan ajaran di dalam Nasrul Haq. Secara kebetulan pula muktamar Nasrul Haq diadakan beberapa hari sebelum Perhimpunan

Agung Umno tahun 1981 itu, tetapi Tan Sri A Samad tidak menggunakan Nasrul Haq sebagai *platform* politiknya.